

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan :-**

- a) Adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar bantuan yang diterima oleh golongan yang kurang berkemampuan yang berdaftar dengan JKM; dan

- b) Sejauh mana piagam / prosedur pihak JKM dalam menilai dan semak rayuan yang dikemukakan bagi pendaftaran e-kasih kerana ia mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, KPWKM mengguna pakai kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Mulai 1 Januari 2016, JKM telah menggunakan PGK Semasa Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh EPU iaitu RM930.00 bagi Semenanjung Malaysia, RM990.00 bagi Sarawak dan RM1,170.00 bagi Sabah dan Labuan. Penggunaan PGK Semasa Tahun 2014 ini telah digunakan dalam menentukan kelulusan permohonan Bantuan Am Persekutuan dan Bantuan Kanak-Kanak. Manakala skim bantuan lain kekal menggunakan PGK sedia ada kerana kadar kelayakan dinyatakan dalam kriteria khusus

adalah lebih tinggi ataupun tidak berkait dengan kadar PGK Semasa Tahun 2014. Kadar bantuan bagi semua jenis skim juga telah dikaji dari semasa ke semasa sejak 1999 hingga kini.

Sebagai makluman Yang Berhormat, penyelarasan kadar bantuan kebijakan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 lalu dimana Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada **RM300.00** kepada **RM350.00** sebulan, manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada **RM150.00** kepada **RM200.00** sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2015 melibatkan penambahan peruntukan berjumlah **RM66** juta. Oleh yang demikian pihak Kementerian belum bercadang untuk menaikkan kadar bantuan buat masa terdekat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Maklumat Kemiskinan Negara (e-Kasih) adalah merupakan sistem yang telah diwujudkan dan dipantau oleh Unit Penyelarasen Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Piagam/prosedur dalam menilai dan semakan rayuan bagi pendaftaran e-Kasih adalah di bawah urusan ICU, JPM. Pihak JKM hanya

**terlibat dalam mengemukakan senarai penerima bantuan JKM ke dalam pangkalan data sistem e-Kasih.**